



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2013

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2013

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2013.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya BKK sebanyak RM500.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Gred 1 hingga Gred 54 sebagai menghargai khidmat bakti penjawat awam dalam memacu program pembangunan negara ke arah sebuah negara maju.

3. Kerajaan juga bersetuju memanjangkan pemberian BKK sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

PELAKSANAAN

4. BKK ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Gred 1 hingga Gred 54 tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013.

Pegawai Yang Layak

5. Pegawai dalam Gred 1 hingga Gred 54 yang layak dibayar BKK adalah seperti berikut:

- a. pegawai lantikan tetap, sementara, *contract of service* dan guru interim;
- b. pegawai yang bercuti separuh gaji;
- c. pegawai yang bercuti tanpa gaji/ dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013;
- d. pemandu yang dilantik oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- e. pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan YA Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saraan Hakim 1971.

6. BKK turut dipanjangkan kepada pegawai yang berkhidmat secara *contract for service* yang gred jawatannya setara dalam kelompok Kumpulan Pelaksana (Gred 1 hingga Gred 40) dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga Gred 54) dan, masih berkhidmat pada 24 Julai 2013 tertakluk kepada syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am.

7. BKK ini juga dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang masih berkhidmat pada 24 Julai 2013 tertakluk kepada syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am.

Pegawai Yang Tidak Layak

8. Pegawai yang tidak layak dibayar BKK adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013;
- b. pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memegang Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
- c. pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013;
- d. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013;
- e. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013; dan
- f. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian BKK

9. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian BKK. Pegawai hanya layak dibayar BKK sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

Syarat Pembayaran

10. BKK ini dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013.

11. BKK sebanyak RM500.00 dibayar pada 31 Julai 2013.

Kaedah Pembayaran

12. BKK ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

13. BKK kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen akan dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

14. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013 layak dibayar BKK pada kadar RM500.00 tertakluk kepada syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

15. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service* atau *contract for service* layak dibayar BKK pada kadar RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya

sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

16. Pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013 layak dibayar BKK pada kadar RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 24 Julai 2013. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

TARIKH KUAT KUASA

17. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

24 Julai 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan